



BANJIR yang mencecah paras lutut turut membahayakan perniagaan di medan selera berhampiran



PENDUDUK terpaksa mengharungi air selepas banjir kilat melanda kawasan Jalan P Ramlee, awal pagi semalam.



'Sudah lali dah'

■ Lebih 300 keluarga terjejas hujan bawa banjir

Oleh Hadzlihy Hassan
hadzlihy@mediaprima.com.my
Georgetown

"Kami sudah lali," kata Mohammad Sufian, 40, mengulas mengenai kejadian banjir kilat yang melanda kampungnya di Jalan P Ramlee, di sini, awal pagi semalam.

Menurutnya, sudah puluhan tahun masalah banjir di kawasan itu berlarutan, namun sehingga kini masih belum selesai, malah menjadi semakin buruk dengan pelbagai pembangunan tidak dirancang dan sistem perparitan yang tersumbat.

"Memang kawasan ini dinaiki air setiap kali hujan lebat melanda,

namun penduduk sudah biasa dengan keadaan ini kerana surut seperti sedia kala beberapa jam kemudian.

"Disebabkan itu, penduduk kawasan ini tidak berpindah jika rumah dilanda banjir kerana sudah lali dengan keadaan itu," katanya.

Menurutnya, sebagai penduduk, dia kecewa dengan pihak yang sepatutnya bertanggungjawab menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan itu yang seolah-olah memandang remeh nasib terpaksa dihadapi penduduk setiap kali hujan.

"Jika dulu hujan berlarutan selama empat atau lima jam, air pasti naik, namun kini tidak sampai satu jam paras air naik dengan cepat.

"Kami percaya keadaan ini disebabkan beberapa pembangunan tidak dirancang dan juga sistem perparitan yang kerap tersumbat," katanya.

Menurutnya, sudah banyak aduan dibuat kepada pihak bertanggungjawab, namun hingga kini masih belum ada jalan penyelesaian dan juga tindakan diambil.

Dalam banjir kilat kira-kira jam 1 pagi itu, lebih 300 keluarga terjejas, namun tiada arahan berpindah dikeluarkan kerana keadaan masih terkawal dan air surut beberapa jam kemudian.

Beberapa jalan terpaksa ditutup antaranya Jalan P Ramlee, sebahagian Jalan Perak, Jalan Masjid Negeri, Jalan Logan, Jalan Makloom, Kampung Makam, Jalan Sungai Pinang, Jalan Anson dan Jalan Pattani.

FAKTA
Beberapa jalan utama terpaksa ditutup akibat banjir

HOMEDÉC®
HOME DECORATION EXHIBITION

PAMERAN BERANUGERAH

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
10PG. - 8MLM.

PART 2

3 HARI LAGI

24-27 OKT.

FURNISH & DECORATE

Profil Pameran:

- Lukisan Seni & Hiasan
- Sistem Audio Visual & Teater Rumah
- Perabot & Hiasan
- Peralatan Elektrik Rumah
- Kelengkapan Rumah
- Perabot Kanak-Kanak
- Lampu
- Tilam, Almari & Katil
- Hiasan Berdekoratif

PAPARAN UTAMA:



Idea Hebat Ruang Kediaman oleh Perekabentuk Dalam Beranugerah di Paparan Utama Urban Cube!
Terokailah Hasil Sentuhan Empat Perekabentuk Dalam Beranugerah Berdasarkan Tema 'Beach Cube', 'SoHo', 'Student' dan 'Urban Camper'. Hanya di HOMEDÉC - Rekabentuk Dalam di Tahap yang Terbaik Semuanya di Sini!

©HOMEDÉC

WIN RM80,000 CASH FOR RENO

Teruskan membeli belah di HOMEDÉC Part 2. Pilihan terbaik, idea dan gaya terkini untuk mengubahsuai dan menyempurnakan kediaman anda semuanya di sini!

- Terokailah 6 dewan pameran yang akan mempamerkan kategori produk yang bertalian - belian terbaik, nilai terhebat dan penjimatan berganda!
- Hadiah utama bernilai RM 20,000 ditaja oleh Getha untuk dimenangi di bahagian 2
- Pameran solo dari pemenang pingat emas Anugerah PAM-HOMEDÉC 2013 kategori Renovasi Kediaman
- Paparan menarik dari Pemenang Anugerah Kecemerlangan Rekabentuk Dalam MIID-REKA 2013

homedec.exhibition

www.homedec.com.my

